

Fenomena Masalah Membaca dalam kalangan Murid Tahun 1 di Sekolah Kebangsaan

(Phenomenon of Reading Problems Among Year 1 Students in National Schools)

Salfarina Binti Ali¹, Nor Azwahanum Binti Nor Shaid^{2*}

¹Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), 43600, Bangi, Selangor, Malaysia.
Email: salfarina2019@gmail.com

²Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), 43600, Bangi, Selangor, Malaysia.
Email: azwahanum@ukm.edu.my

CORRESPONDING

AUTHOR (*):

Nor Azwahanum Binti Nor Shaid
(azwahanum@ukm.edu.my)

KATA KUNCI:

Masalah membaca
Tahun 1
Buku teks
LINUS
Sekolah kebangsaan

KEYWORDS:

Reading problems
Year 1
Textbooks
LINUS
National school

CITATION:

Salfarina Ali, & Nor Azwahanum Nor Shaid.
(2025). Fenomena Masalah Membaca dalam
kalangan Murid Tahun 1 di Sekolah
Kebangsaan. *Malaysian Journal of Social
Sciences and Humanities (MJSSH)*, 10(5),
e003347.
<https://doi.org/10.47405/mjssh.v10i5.3347>

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti tahap penguasaan membaca dalam kalangan murid Tahun 1 di sebuah sekolah kebangsaan berdasarkan konstruk LINUS serta mendapatkan pandangan guru Bahasa Melayu Tahun 1 tentang masalah membaca dan keperluan penambahbaikan kandungan buku teks Bahasa Melayu. Kajian ini menggunakan reka bentuk kajian kes dengan pendekatan campuran. Seramai 124 orang murid dan tiga orang guru Bahasa Melayu Tahun 1 dipilih sebagai sampel. Data kuantitatif diperolehi melalui ujian membaca dan dianalisis secara statistik deskriptif. Data kualitatif pula diperolehi melalui temu bual berstruktur dan dianalisis secara tematik. Hasil kajian menunjukkan bahawa masih ramai murid belum menguasai kemahiran membaca. Tiga tema utama dikenal pasti melalui temu bual iaitu faktor masalah membaca, kekangan dan cabaran guru, serta kesan masalah membaca terhadap murid. Semua peserta kajian bersetuju bahawa kandungan buku teks Bahasa Melayu perlu ditambah baik secara lebih sistematik. Kajian ini menyumbang kepada penemuan bahawa isu penguasaan membaca masih berlaku dalam kalangan murid Tahun 1 dan memerlukan tindakan penambahbaikan dalam bahan pembelajaran. Dapatan ini boleh dijadikan rujukan kepada Kementerian Pendidikan Malaysia dalam merancang Kurikulum Persekolahan 2027.

ABSTRACT

This study aims to identify the level of reading mastery among Year 1 students in a national school based on the LINUS construct as well as to obtain the views of Year 1 Malay teachers on reading problems and the need to improve the content of Malay textbooks. This study uses a case study design with a mixed approach. A total of 124 students and three Year 1 Malay teachers were selected as a

sample. Quantitative data was obtained through a reading test and analyzed descriptively statistically. Qualitative data was obtained through structured interviews and analyzed thematically. The results of the study show that there are still many students who have not mastered reading skills. Three main themes were identified through interviews, namely factors of reading problems, teachers' constraints and challenges, and the impact of reading problems on students. All study participants agreed that the content of Bahasa Melayu textbooks needs to be improved more systematically. This study contributes to the discovery that the issue of reading proficiency still occurs among Year 1 students and requires improvement in learning materials. This finding can be used as a reference for the Malaysian Ministry of Education in planning the 2027 School Curriculum.

Sumbangan/Keaslian: Kajian ini menyumbang kepada penemuan bahawa masih terdapat ramai murid Tahun 1 yang belum menguasai kemahiran membaca, dan para guru berpandangan bahawa penambahbaikan buku teks Bahasa Melayu Tahun 1 perlu dilaksanakan secara lebih sistematik. Dapatan kajian ini boleh dijadikan rujukan kepada Kementerian Pendidikan Malaysia dalam merancang Kurikulum Persekolahan 2027.

1. Pengenalan

Membaca memainkan peranan yang amat penting dalam pembangunan individu dan masyarakat secara keseluruhan. Menurut [Lau, Lambri dan Kiting \(2022\)](#), kemahiran membaca merupakan kemahiran asas dalam penguasaan Bahasa Melayu yang perlu dikuasai oleh setiap murid di Malaysia. Kemahiran membaca membawa pelbagai manfaat yang meliputi perkembangan kognitif, peningkatan pengetahuan, kemampuan berfikir kritis, serta keupayaan untuk berkomunikasi dengan lebih berkesan. Dengan membaca, seseorang dapat memperluas perbendaharaan kata, memahami konteks sosial dan budaya yang berbeza, serta meningkatkan kemahiran komunikasi lisan dan tulisan. Dalam konteks pendidikan, kebolehan membaca yang baik membuka peluang untuk kejayaan dalam pelajaran lain seperti matematik, sains dan kemanusiaan. Secara keseluruhannya, membaca bukan sahaja merupakan aktiviti penting untuk pembelajaran sepanjang hayat, tetapi juga merupakan kemahiran asas yang kritikal untuk pembangunan individu yang berdaya saing dalam masyarakat global yang semakin kompleks.

Walaupun membaca mempunyai pelbagai manfaat, terdapat masalah besar yang masih wujud di Malaysia, khususnya di kalangan murid di luar bandar. Kajian yang dilakukan oleh [Jamian \(2011\)](#) mendapati bahawa murid-murid di luar bandar menghadapi kesukaran dalam memahami kandungan maklumat yang dibaca dan tidak dapat memahami maksud ayat dengan baik. Ini merupakan masalah yang serius kerana kemahiran membaca pada peringkat awal pendidikan adalah asas yang sangat penting untuk kejayaan akademik seterusnya. Masalah ini turut berlaku di kalangan murid tahun satu. [Mat Husin dan Wan Mohammad \(2023\)](#) menyatakan bahawa murid-murid tahun satu sering kali menghadapi masalah dalam menguasai kemahiran membaca. Hal ini amat merisaukan kerana mereka adalah generasi muda yang harus menguasai kemahiran membaca sejak dari awal persekolahan. Isu ini memerlukan perhatian serius daripada semua pihak, terutamanya guru, ibu bapa dan Kementerian Pendidikan Malaysia.

[Balanadam dan Jamaluddin \(2021\)](#) turut menegaskan bahawa pembacaan adalah penting untuk memperoleh maklumat yang berguna dan dapat digunakan dalam pelbagai aspek kehidupan.

Untuk menangani isu ini, Kementerian Pendidikan Malaysia telah melaksanakan pelbagai program seperti Pemulihan Khas, KIA2M, LINUS, MOBIM, dan PlaN. Program-program ini diwujudkan untuk membantu murid yang menghadapi masalah dalam kemahiran literasi, terutama dalam menguasai bahasa Melayu. Program LINUS, yang diperkenalkan pada awalnya, bertujuan untuk menangani masalah literasi di kalangan murid. Namun, program ini tidak berjaya mencapai objektif sepenuhnya kerana terdapat beberapa kekangan yang dihadapi oleh pihak sekolah dan guru. Kekangan ini termasuk masalah sumber, latihan guru yang tidak mencukupi, serta sokongan yang kurang dari segi perancangan dan pentadbiran. Oleh itu, pada 2019, Program LINUS dihentikan, laporan akhbar Berita Harian Online ([Bungga, 2018](#)).

Selain itu, di sekolah kebangsaan, buku teks digunakan sebagai sumber utama dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Buku teks berperanan penting dalam menyampaikan maklumat, konsep dan pengetahuan kepada pelajar. Buku teks yang digunakan di sekolah kebangsaan haruslah mempunyai kualiti yang baik dan sesuai dengan tahap murid bagi memastikan keberkesanan pengajaran dan pembelajaran. Namun, sukatan buku teks yang tinggi menyebabkan ibu bapa menyuarakan kerisauan ianya menjadi bebanan kepada anak-anak mereka terutama semasa pandemik Covid-19 apabila mereka terpaksa membimbing anak-anak di rumah ([Nasbah, 2022](#)).

1.1. Objektif Kajian

Oleh itu, kajian ini dilakukan bagi mengenalpasti tahap penguasaan membaca murid-murid Tahun 1 di sekolah kebangsaan berdasarkan kontrak LINUS. Seterusnya pengkaji juga ingin mendapatkan pandangan guru-guru bahasa Melayu Tahun 1 tentang masalah membaca di kalangan murid Tahun 1 serta mendapatkan pandangan guru Bahasa Melayu Tahun 1 tentang keperluan penambahbaikan kandungan buku teks Bahasa Melayu Tahun 1.

2. Sorotan Literatur

Bahagian ini memberikan sorotan literatur yang merangkumi tiga subtopik utama iaitu masalah membaca di kalangan murid sekolah rendah, analisis kandungan buku teks dan Program Literasi dan Numerasi (Linus).

2.1. Kajian Lepas Tentang Masalah Membaca di kalangan Murid Sekolah Rendah

Masalah membaca di kalangan murid sekolah rendah adalah isu kompleks yang memerlukan perhatian serius. Antara cabaran utama ialah kesukaran mengenal huruf, mengenali perkataan secara automatik, dan memahami makna teks. Ini boleh disebabkan oleh kekurangan latihan membaca, strategi pengajaran yang kurang berkesan, serta keperluan untuk memerhatikan keperluan individu murid. Faktor keluarga juga memainkan peranan penting, terutamanya jika keluarga tidak menggalakkan membaca atau tidak mempunyai akses bahan bacaan. Selain itu, pengaruh teknologi yang mengalih perhatian murid dari membaca secara tradisional turut memberi kesan. Masalah ini mempengaruhi prestasi akademik murid dan keyakinan diri mereka. Menurut [Balanadam dan Jamaluddin \(2021\)](#), masalah membaca disebabkan pelbagai faktor. Oleh itu,

membantu mereka memperbaiki kemahiran membaca adalah penting untuk meningkatkan prestasi akademik dan keyakinan diri mereka.

[Rosly dan Mokhtar \(2021\)](#) membincangkan cara guru di Malaysia mengajar kanak-kanak membaca dan menulis dalam bahasa Melayu, serta masalah celik huruf murid Orang Asli di Lenga, Johor. Mereka mendapati kaedah pengajaran yang baik, tetapi murid menghadapi masalah motivasi, dan ibu bapa kurang menggalakkan pembelajaran. Kajian ini mencadangkan pentingnya memahami keperluan individu murid, menggunakan teknik pengajaran berkesan seperti pembelajaran berpusatkan murid, serta melibatkan keluarga dalam pembelajaran. Penggunaan bahan bacaan yang sesuai dan akses bahan bacaan yang pelbagai di sekolah dan rumah dapat membantu meningkatkan kemahiran membaca.

[Mat Husin dan Wan Mohammad \(2023\)](#) dalam kajian mereka meneliti kesukaran yang dihadapi murid Tahun 1 di sekolah jenis kebangsaan Cina dalam mempelajari bahasa Melayu. Kajian ini melibatkan temu bual dengan tiga guru Bahasa Melayu, yang berkongsi pandangan mengenai cabaran murid seperti sikap, persekitaran, dan sokongan ibu bapa. Dapatan kajian menunjukkan murid menghadapi masalah kemahiran membaca, dan kerjasama antara guru, pemimpin sekolah, serta ibu bapa amat penting untuk membantu mereka. Dengan sokongan bersepadu, cabaran ini dapat diatasi, meningkatkan kemahiran membaca murid dan membina asas pendidikan yang kukuh serta perkembangan mereka sebagai pemikir kreatif.

2.2. Kajian Lepas Tentang Kandungan Buku Teks

Kajian-kajian berkaitan analisis kandungan buku teks bahasa Melayu tidak banyak dijalankan. Kajian khusus analisis kandungan buku teks bahasa Melayu Tahun 1 juga tidak pernah dilakukan. Berikut adalah beberapa kajian lepas tentang analisis kandungan buku teks. [Hasan, Sapar, dan Siraj \(2020\)](#) yang menilai buku teks yang digunakan dalam kelas Bahasa Melayu, melihat penampilan, aktiviti, dan soalan yang disediakan. Dapatan kajian menunjukkan buku teks itu menarik dengan aliran topik yang baik, tetapi beberapa aktiviti kurang jelas dan tidak menggalakkan pemikiran kritis. Buku teks penting dalam pengajaran dan pembelajaran, membantu murid memahami konsep kompleks secara sistematik. Ia juga digunakan untuk merancang pengajaran yang berkesan, menguji pemahaman, dan memberi penjelasan tambahan kepada murid. Buku teks disesuaikan dengan kurikulum untuk memastikan relevansi dan kesesuaian isi kandungannya.

Kajian oleh [Mat Rabi, Osman, Sarudin, Mohamed Redzwan, dan Mat Rabi \(2020\)](#) mendapati kemahiran berfikir yang sepatutnya diajar dalam buku teks Bahasa Melayu tahun enam tidak diajar sepenuhnya, dengan hanya 30% daripada kemahiran ini diterapkan. Kemahiran menulis paling banyak diaplikasikan. Buku teks ini bertujuan bukan hanya untuk mengajar tatabahasa dan struktur ayat, tetapi juga untuk menggalakkan pelajar menghayati dan mengaplikasikan bahasa dalam konteks berbeza. Kementerian Pendidikan Malaysia memberi penekanan pada kemahiran berfikir untuk pembangunan keseluruhan murid, serta memupuk kemahiran berfikir kritis dan kreatif dalam kehidupan sehari-hari dan akademik. Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) dalam buku teks penting untuk menggalakkan pemikiran kritis dan analitikal murid. Ia mengajak murid mengaplikasikan pengetahuan dalam konteks yang lebih mendalam melalui soalan yang menggalakkan analisis teks. KBAT turut diterapkan dalam pelbagai disiplin ilmu seperti sains dan matematik. Walaupun ini membantu murid menjadi pemikir kreatif dan kritis, penerapan KBAT dalam buku teks memberi kesan terhadap

murid Tahun 1 yang menghadapi masalah dalam menguasai asas kemahiran membaca. [Nasbah \(2022\)](#) dalam laporannya di Berita Harian Online menyatakan beberapa pihak memberi pandangan penerapan KBAT di sekolah rendah dianggap tidak sesuai dengan tahap usia murid.

2.3. Kajian Lepas Tentang Program Literasi Dan Numerasi (Linus)

Dalam kajian [Ambotang, Ahong dan Ompok \(2019\)](#), mereka menilai peranan pegawai fasilitator LINUS, pentadbir sekolah, dan guru LINUS dalam memastikan kejayaan program LINUS di sekolah rendah di Kota Kinabalu. Kajian ini melibatkan 52 sekolah dan 350 guru untuk memastikan ketepatan data. Data dianalisis menggunakan analisis regresi. Hasil kajian menunjukkan bahawa kerjasama antara fasilitator, pentadbir, dan guru memainkan peranan penting dalam pelaksanaan program LINUS. Kementerian Pendidikan Malaysia menjalankan program LINUS untuk membantu murid-murid sekolah rendah menguasai kemahiran asas, terutamanya dalam membaca, bagi memastikan kejayaan mereka dalam pendidikan seterusnya. Semua pihak perlu bekerjasama untuk memastikan kejayaan program tersebut.

[Kasim \(2021\)](#) dalam kajiannya menyatakan kemahiran membaca sangat penting dalam proses pembelajaran. Tanpa penguasaan membaca, murid akan menghadapi kesulitan dalam subjek lain seperti Sains, Sejarah dan banyak lagi. Bagi memastikan semua murid menguasai kemahiran ini, Kementerian Pendidikan Malaysia memperkenalkan Program Literasi dan Numerasi (LINUS) pada 2010. Program ini bertujuan mengatasi masalah membaca dan mengira dalam kalangan murid sekolah rendah. LINUS terbukti berkesan dalam membantu murid menguasai kemahiran membaca, sekaligus meningkatkan prestasi akademik mereka. Usaha ini menunjukkan komitmen kerajaan untuk memastikan setiap murid memiliki asas pendidikan yang kukuh bagi kejayaan dalam pelajaran dan kehidupan.

[Chew \(2015\)](#) menerangkan Program LINUS yang dilaksanakan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia, bertujuan meningkatkan literasi dan numerasi murid tahun 1 hingga 3 di sekolah rendah. Kajian ini meninjau pelaksanaan LINUS sejak 2010 dengan menggunakan Teori Piaget. Tinjauan dijalankan ke atas 120 murid dari pelbagai jenis sekolah. Kajian mendapati murid-murid seronok dengan program ini kerana guru-guru menggunakan kaedah pengajaran yang menyeronokkan dan mudah difahami, termasuk teknik berkumpulan dan permainan. Penggunaan komputer, gambar, dan video juga memberi kesan positif. Oleh itu, program LINUS perlu diteruskan dengan sokongan ibu bapa dan masyarakat untuk keberkesanan yang lebih baik.

3. Metod Kajian

Kajian ini menggunakan pendekatan kajian campuran yang menggabungkan kaedah kuantitatif dan kualitatif. Sampel kajian ini terdiri daripada 124 orang murid Tahun 1 dan 3 orang guru Bahasa Melayu Tahun 1. Kajian ini dijalankan dalam bentuk kajian kes di sebuah sekolah kebangsaan di daerah Seremban. Menurut [Chua \(2021\)](#), reka bentuk kajian kes melibatkan penerokaan terperinci ke atas individu atau sekumpulan individu untuk menangani isu yang sedang dikaji. Bagi tujuan kajian ini, pengumpulan data kuantitatif dilakukan melalui ujian membaca. Soalan ujian yang digunakan telah disahkan kesahihannya oleh pakar dalam bidang Bahasa Melayu melalui proses penilaian terhadap kandungan instrumen yang melibatkan perbincangan dan maklum balas mengenai kesesuaian soalan, kesahihan kandungan, serta kejelasan soalan dalam menggambarkan

fenomena yang ingin dikaji. Data kuantitatif yang diperoleh daripada ujian ini dianalisis menggunakan Microsoft Excel dengan menggunakan analisis statistik deskriptif untuk melihat tahap penguasaan membaca murid berdasarkan kontrak LINUS.

Selain itu, data kualitatif diperoleh melalui temubual dengan 3 orang guru Bahasa Melayu Tahun 1. Kaedah temubual berstruktur digunakan sebagai salah satu teknik pengumpulan data. Menurut [Tobi \(2017\)](#), temubual berstruktur melibatkan soalan yang telah disediakan terlebih dahulu menggunakan frasa tertentu dan diatur mengikut urutan yang ditetapkan. Data temubual ini akan dianalisis secara naratif berdasarkan objektif kajian dengan menstrukturkan tema-tema yang dikenal pasti. Transkripsi temubual disusun semula dan diterjemahkan menggunakan Microsoft Word sebelum dianalisis secara terperinci. Tema-tema utama yang berkaitan dengan masalah membaca dan penambahbaikan buku teks akan dikenalpasti dan diterangkan secara mendalam melalui analisis tematik. Transkripsi temu bual disusun semula, diterjemahkan menggunakan Microsoft Word, dan dianalisis secara terperinci. Kaedah ini juga dilakukan dalam kajian [Mat Husin dan Wan Mohammad \(2023\)](#). [Konaen, Abd Rahman dan Roslan \(2019\)](#) turut menyatakan prosedur analisis data kajiannya dijalankan melalui tiga peringkat iaitu mendengar rakaman suara, transkripsi temu bual dan menganalisis data secara manual. Proses ini melibatkan pembacaan berulang kali terhadap transkrip temubual bagi memastikan maklumat yang relevan dan signifikan dapat diperoleh. Etika kajian ini dijaga dengan mendapatkan kebenaran daripada Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), guru besar, guru terlibat, dan ibu bapa murid sebelum melaksanakan pengumpulan data.

4. Hasil Kajian

4.1. Demografi

Kajian ini mendapatkan data daripada murid Tahun 1 dan guru-guru Bahasa Melayu Tahun 1. Seramai 124 sampel terdiri daripada murid Tahun 1 yang bersekolah di salah sebuah sekolah di Seremban, Negeri Sembilan. Profil latar belakang responden boleh dirujuk dalam [Jadual 1](#).

Jadual 1 : Profil Latar Belakang Responden

	Profil	Kekerapan	Peratusan (%)
Jantina	Lelaki	60	48.0
	Perempuan	64	52.0
Kaum	Lelaki	41	33.0
	Perempuan	51	41.0
• India	Lelaki	17	14.0
	Perempuan	11	9.0
• Cina	Lelaki	-	-
	Perempuan	-	-
• Lain-lain	Lelaki	2	2.0
	Perempuan	2	2.0

* Lain-lain : Rungus, Iban, Bidayuh, bukan warganegara.

Dapatan kajian menunjukkan bahawa daripada 124 sampel, 60 orang adalah lelaki (48%) dan 64 orang adalah perempuan (52%), dengan perbezaan kecil antara kedua-dua jantina. Kaum Melayu mencatatkan jumlah tertinggi dengan 92 responden, terdiri daripada 41 lelaki (33%) dan 51 perempuan (41%), menunjukkan murid perempuan

Melayu lebih ramai. Bagi kaum India, terdapat 28 responden, dengan 17 lelaki (14%) dan 11 perempuan (9%), menunjukkan murid lelaki India lebih ramai. Tiada responden daripada kaum Cina dalam kajian ini.

Seramai 3 orang guru Bahasa Melayu Tahun 1 telah dipilih sebagai peserta kajian untuk soalan temubual. Profil latar belakang peserta kajian boleh dirujuk dalam [Jadual 2](#).

Jadual 2 : Profil latar belakang peserta kajian


Peserta Kajian	Kod	Umur	Opsyen	Pengalaman Mengajar BM Tahun 1
Peserta Kajian 1	PK1	55 tahun	Bahasa Melayu	20 tahun
Peserta Kajian 2	PK2	28 tahun	Bahasa Melayu	1 tahun
Peserta Kajian 3	PK3	29 tahun	Sejarah	4 tahun

4.2. Tahap Penguasaan Membaca Murid Tahun 1 Berdasarkan Kontruk LINUS

Untuk menilai tahap penguasaan kemahiran membaca murid Tahun 1, satu ujian bacaan telah dilakukan. Berikut merupakan dapatan kajian bagi objektif 1. Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti tahap penguasaan kemahiran membaca murid Tahun 1 berdasarkan kontruk Literasi dan Numerasi (LINUS). LINUS adalah satu inisiatif yang dilaksanakan di sekolah-sekolah Malaysia untuk meningkatkan kemampuan literasi dan numerasi di kalangan murid, terutamanya dalam kalangan pelajar yang menghadapi kesukaran dalam penguasaan asas membaca dan mengira. Kajian ini menggunakan analisis deskriptif untuk mengkaji tahap pencapaian murid dalam kemahiran membaca.

Hasil dapatan kajian menunjukkan bahawa secara keseluruhannya, masih ramai murid Tahun 1 yang belum menguasai kemahiran membaca dengan sepenuhnya. Ini bermakna, walaupun sudah memasuki Tahun 1 dan hadir ke tadika atau pra sekolah, sebahagian besar murid masih menghadapi cabaran dalam menguasai bacaan dengan lancar dan memahami teks yang dibaca. [Rajah 1](#) menunjukkan peratusan murid yang telah mencapai penguasaan dalam kemahiran membaca berbanding mereka yang masih belum mencapai tahap tersebut.

Rajah1: Tahap Penguasaan Kemahiran Membaca Murid Tahun 1



Berdasarkan data yang diberikan, tahap penguasaan membaca murid Tahun 1 secara keseluruhan berada pada tahap yang membimbangkan. Hanya 40% atau seramai 50

orang murid yang telah menguasai kemahiran membaca dengan baik, manakala 60% lagi atau 74 orang murid masih menghadapi kesukaran dalam menguasai asas membaca. Perbezaan yang ketara antara peratusan murid yang menguasai dan tidak menguasai kemahiran membaca ini menunjukkan bahawa terdapat masalah yang perlu diatasi dengan segera dalam sistem pendidikan awal kanak-kanak.

Jadual 3 merupakan perincian tahap bacaan murid berdasarkan kontruk LINUS.

Jadual 3: Perincian Tahap Bacaan Murid Berdasarkan Kontruk LINUS

Konstruk LINUS	Menguasai		Tidak Menguasai	
	Kekerapan	Peratus	Kekerapan	Peratus
1. a. Menamakan huruf vokal.	118	93.0	6	7.0
b. Menamakan huruf konsonan.	119	94.0	5	6.0
2. Membunyikan suku kata terbuka.	110	89.0	14	11.0
3. Membaca perkataan suku kata terbuka.	103	83.0	21	17.0
4. Membunyikan suku kata tertutup.	88	71.0	36	29.0
5. Membaca perkataan yang mengandungi suku kata tertutup.	78	63.0	46	37.0
6. Membaca perkataan yang mengandungi suku kata tertutup 'ng'.	71	57.0	53	43.0
7. Membaca perkataan yang mengandungi diftong.	72	58.0	52	42.0
8. Membaca perkataan yang mengandungi vokal berganding.	69	56.0	55	44.0
9. Membaca perkataan yang mengandungi digraf dan konsonan bergabung.	55	44.0	69	56.0
10. Membaca perkataan berimbuhan.	73	59.0	51	41.0
11. Membaca ayat mudah.	71	57.0	53	43.0
12. Membaca petikan dan menjawab soalan yang dikemukakan oleh guru secara lisan.	68	55.0	56	45.0

Kajian ini bertujuan untuk menilai tahap penguasaan membaca murid Tahun 1 berdasarkan kontruk LINUS. Data yang diperoleh menunjukkan pencapaian yang positif dalam kemahiran membaca, namun terdapat cabaran bagi segelintir murid yang masih menghadapi kesulitan dalam beberapa kemahiran asas membaca. Dapatan kajian ini memberikan gambaran jelas tentang tahap penguasaan murid-murid dalam setiap kontruk yang diuji. Kontruk 1 menilai penguasaan murid dalam menamakan huruf vokal dan konsonan. Hasil kajian menunjukkan bahawa 93% murid berjaya menguasai kemahiran ini, manakala 7% murid masih belum dapat mengenal huruf dengan tepat. Ini menunjukkan bahawa sebahagian besar murid telah dapat menguasai kemahiran asas ini dengan baik. Kontruk 2 dan 3 menilai penguasaan murid dalam membaca suku kata terbuka dan perkataan yang mengandungi suku kata terbuka. Sebanyak 89% murid berjaya menguasai kemahiran membaca suku kata terbuka, manakala 83% berjaya membaca perkataan yang mengandungi suku kata terbuka. Walaupun kebanyakan murid menguasai kemahiran ini, 11% dan 17% murid masih menghadapi cabaran dalam mengenal pasti dan membunyikan suku kata dan perkataan tersebut.

Kontruk 4 dan 5 menilai penguasaan membaca suku kata tertutup dan perkataan yang mengandungi suku kata tertutup. Hasil kajian menunjukkan bahawa hanya 71% murid menguasai kemahiran membaca suku kata tertutup, manakala 63% murid berjaya membaca perkataan yang mengandungi suku kata tertutup. Ini menunjukkan bahawa sebahagian besar murid masih menghadapi kesukaran dalam menguasai kemahiran ini, dengan hampir satu per tiga murid memerlukan sokongan tambahan. Kontruk 6 melibatkan penguasaan membaca perkataan yang mengandungi suku kata tertutup “ng” seperti hilang, sokong dan bonceng. Dapatan kajian menunjukkan bahawa 57% murid berjaya menguasai kemahiran ini, namun 43% murid masih belum menguasainya. Penguasaan yang lebih separuh menunjukkan bahawa strategi pengajaran perlu ditingkatkan bagi memastikan lebih banyak murid menguasai kemahiran ini. Kontruk 7 menilai kemahiran membaca perkataan yang mengandungi diftong. Sebanyak 58% murid berjaya menguasai kemahiran ini, tetapi 42% masih menghadapi kesukaran. Diftong yang merupakan gabungan dua huruf vokal dalam satu suku kata, menjadi aspek yang mencabar bagi murid-murid ini. Pendekatan pengajaran yang lebih terperinci dan latihan berulang dapat membantu meningkatkan penguasaan murid dalam aspek ini. Kontruk 8 pula melibatkan penguasaan membaca perkataan yang mengandungi vokal berganding. Hanya 56% murid yang berjaya menguasai kemahiran ini, manakala 44% masih mengalami kesulitan. Kumpulan murid yang menghadapi kesukaran dalam mengenal pasti kombinasi vokal tertentu memerlukan sokongan tambahan dalam pembelajaran ini. Kontruk 9 menilai penguasaan membaca perkataan yang mengandungi digraf dan konsonan bergabung. Hasil kajian menunjukkan bahawa 44% murid menguasai kemahiran ini, manakala 56% masih tidak menguasainya. Peratusan murid yang tidak menguasai kemahiran ini menunjukkan bahawa masih banyak yang perlu dilakukan dalam membantu murid mengatasi kesukaran ini.

Kontruk 10 menilai penguasaan membaca perkataan berimbuhan. Seramai 59% murid berjaya menguasai kemahiran ini, manakala 41% tidak menguasainya. Walaupun lebih separuh murid berjaya menguasai kemahiran ini, masih terdapat kumpulan murid yang memerlukan lebih banyak latihan dan sokongan. Kontruk 11 menilai penguasaan membaca ayat mudah. Sebanyak 57% murid berjaya menguasai kemahiran membaca ayat mudah, manakala 43% masih menghadapi kesulitan. Kemahiran ini sangat penting kerana ia merupakan asas kepada perkembangan literasi murid di peringkat awal pembelajaran. Kontruk 12 melibatkan membaca petikan dan menjawab soalan secara lisan. Dapatan kajian menunjukkan bahawa 55% murid berjaya menguasai kemahiran ini, sementara 45% masih belum menguasainya. Penguasaan kemahiran ini adalah penting dalam pengembangan kemahiran berkomunikasi murid. Secara keseluruhan, majoriti murid menunjukkan kemajuan yang positif dalam penguasaan membaca berdasarkan kontruk LINUS, namun masih terdapat beberapa kelompok murid yang memerlukan sokongan tambahan. Kajian ini memberikan gambaran jelas mengenai tahap penguasaan murid dalam pelbagai kemahiran membaca, dari menamakan huruf hingga membaca petikan dan menjawab soalan secara lisan. Sebilangan murid masih mengalami kesukaran dalam kemahiran tertentu, dan ini menunjukkan bahawa pengajaran yang lebih berkesan perlu diberikan untuk membantu mereka mencapai tahap penguasaan yang diinginkan. Pendekatan pengajaran yang lebih terperinci dan menyeluruh diperlukan untuk memastikan semua murid mencapai tahap literasi yang optimum.

4.3. Persepsi Guru Terhadap Masalah Membaca Dalam Kalangan Murid Tahun 1.

Objektif kedua yang ingin dicapai ialah meneroka persepsi guru terhadap masalah membaca dalam kalangan murid Tahun 1. Berdasarkan temu bual dan maklumat yang

diperoleh tiga tema telah dibina iaitu faktor masalah membaca, kekangan dan cabaran yang dihadapi oleh guru serta kesan masalah membaca. **Jadual 4** menunjukkan dapatan temubual mengikut tema dan subtema.

Jadual 4: Dapatan temu bual mengikut tema dan subtema

Tema	Subtema	PK1	PK2	PK3
Faktor masalah membaca	Keluarga	✓	✓	✓
	Sikap Murid	✓	✓	✓
	Bukan Penutur Jati	✓	✓	✓
Kekangan dan cabaran yang dihadapi oleh guru.	Tiada sumber bacaan yang khusus	✓	✓	✓
	Penyediaan bahan bantu mengajar	✓	✓	✓
	Kurang teknik mengajar	x	✓	✓
Kesan Masalah Membaca	Ketinggalan dalam pelajaran	✓	✓	✓
	Kurang keyakinan diri.	✓	✓	✓

4.3.1. Faktor masalah membaca

Tiga subtema yang dibincangkan adalah keluarga, sikap murid, dan bukan penutur jati. Subtema pertama menekankan peranan keluarga dalam mempengaruhi minat dan kemampuan membaca anak-anak. Keluarga yang memberi sokongan dapat meningkatkan kebolehan anak-anak dalam memahami bacaan. Subtema kedua membincangkan sikap murid, di mana sikap positif terhadap membaca memudahkan pembelajaran, manakala sikap negatif menghalang kemajuan. Subtema ketiga menyentuh tentang murid yang bukan penutur jati, di mana mereka mungkin menghadapi kesukaran dalam memahami teks.

“Persekitaran rumah yang kurang sokongan, sikap murid yang suka bermain, dan penggunaan bahasa ibunda oleh murid India menyukarkan penguasaan Bahasa Melayu dan pendedahan awal membaca”. (PK1)

“Faktor murid Tahun 1 yang sukar menguasai membaca termasuk sikap sambil lewa, menjadi penutur bukan jati Bahasa Melayu, dan kurangnya kerjasama ibu bapa akibat kesibukan kerja”. (PK2)

“Murid Tahun 1 sukar membaca ialah kerana kurangnya kerjasama ibu bapa, penggunaan bahasa ibunda di rumah, dan sikap murid yang tidak bersungguh-sungguh untuk belajar membaca”. (PK3)

4.3.2. Kekangan dan cabaran yang dihadapi oleh guru.

Dapatan kajian menunjukkan tiga cabaran utama yang dihadapi guru, iaitu tiada sumber bacaan khusus, kekurangan bahan bantu mengajar, dan kurangnya teknik pengajaran.

“Saya kekurangan sumber bacaan, di mana buku teks tidak sesuai, dan kesukaran menyediakan bahan bantu mengajar digital kerana masalah masa dan saya kurang mahir”. (PK1)

“Saya kekurangan masa untuk menyediakan bahan bantu mengajar, buku teks yang terlalu sukar, dan saya kurang teknik pengajaran yang sesuai”. (PK2)

“Saya kekurangan masa untuk menyediakan bahan bantu mengajar, kandungan buku teks yang sukar, dan saya kurang kemahiran dalam mengajar murid lemah membaca. Saya perlu menambah ilmu”. (PK3)

4.3.3. Kesan masalah membaca.

Hasil kajian mendapati guru-guru berpendapat murid yang lemah membaca menghadapi dua kesan utama: iaitu ketinggalan pelajaran dan kurang keyakinan diri. Kesukaran membaca menyukarkan mereka mengikuti pengajaran, menyebabkan prestasi akademik rendah. Selain itu, masalah membaca juga menjejaskan keyakinan diri murid, mempengaruhi perkembangan sosial dan emosi mereka.

“Murid yang lemah membaca sering rasa rendah diri, mengelak dari terlibat dalam PdP, dan ketinggalan dalam pelajaran seperti Matematik dan Sains kerana sukatan pelajaran yang tinggi dan sukar difahami”. (PK1)

“Kesan utama yang dilihat adalah murid ketinggalan dalam pelajaran kerana tidak pandai membaca, yang mempengaruhi mata pelajaran lain. Kesan kedua, murid kurang keyakinan diri dan mudah putus asa”. (PK2)

“Masalah membaca menyebabkan murid Tahun 1 ketinggalan pelajaran, kurang keyakinan diri, berputus asa, dan merasa rendah diri berbanding rakan sebaya dalam aktiviti dan pembelajaran”. (PK3)

4.4. Persepsi Guru Terhadap Penambahbaikan Kandungan Buku Teks Bahasa Melayu Tahun 1

Objektif ketiga yang ingin dicapai ialah meneroka persepsi guru terhadap penambahbaikan kandungan buku teks Bahasa Melayu Tahun 1. Berdasarkan temu bual dan maklumat yang diperolehi, enam tema telah dibina iaitu keperluan penambahbaikan buku teks Bahasa Melayu Tahun 1, pendapat guru keperluan penambahbaikan buku teks Bahasa Melayu Tahun 1, pengetahuan guru tentang program LINUS, keperluan LINUS dimasukkan dalam kandungan buku teks Bahasa Melayu Tahun 1, pendapat guru tentang keperluan LINUS dimasukkan dalam kandungan buku teks Bahasa Melayu Tahun 1 dan cara kontruk LINUS dipersembahkan dalam isi kandungan buku teks Bahasa Melayu tahun 1. [Jadual 5](#) menunjukkan dapatan temubual mengikut tema dan subtema.

Jadual 5: Dapatan temu bual mengikut tema dan subtema

Tema	Subtema	PK1	PK2	PK3
Keperluan penambahbaikan buku teks Bahasa Melayu Tahun 1.	Perlu	✓	✓	✓
	Tidak perlu	-	-	-
Pendapat guru keperluan penambahbaikan buku teks Bahasa Melayu Tahun 1.	Aras sukatan Pelajaran tinggi	✓	✓	✓
	Masih ramai murid tidak mahir membaca	✓	✓	✓

Pengetahuan guru tentang program LINUS.	Murid diajar membaca secara berperingkat.	✓	✓	✓
	Mengandungi 12 kontruk.	✓	✓	✓
Keperluan LINUS dimasukkan dalam kandungan buku teks Bahasa Melayu Tahun 1.	Perlu	✓	✓	✓
	Tidak perlu	-	-	-
Pendapat guru tentang keperluan LINUS dimasukkan dalam kandungan buku teks Bahasa Melayu Tahun 1.	Kontruk LINUS tersusun dan memudahkan murid menguasai secara berperingkat.	✓	✓	✓
	Konstruk LINUS memudahkan guru mengenalpasti tahap murid dan merancang PdPC.	✓	✓	✓
Cara kontruk LINUS dipersembahkan dalam isi kandungan buku teks Bahasa Melayu tahun 1.	Kontruk LINUS disusun mengikut unit dalam buku teks.	✓	✓	✓
	Kontruk LINUS ditekankan pada permulaan setiap unit.	✓	✓	✓

4.4.1. Keperluan penambahbaikan buku teks Bahasa Melayu Tahun 1.

Kajian ini menekankan keperluan untuk menambah baik buku teks Bahasa Melayu Tahun 1. Berdasarkan dapatan, semua peserta kajian (PK1, PK2, dan PK3) bersetuju bahawa penambahbaikan diperlukan, manakala tiada peserta kajian berpendapat sebaliknya. Hal ini menunjukkan kesemua guru bersetuju penuh dalam kalangan peserta kajian mengenai kepentingan penambahbaikan bahan pembelajaran tersebut.

"Betul, perlu ditambah baik". (PK1).

"Pada pendapat saya, saya rasa penambahbaikan perlu dilakukan dalam buku teks Bahasa Melayu Tahun 1". (PK2).

"Pada pendapat saya, perlu dilakukan penambahbaikan buku teks Bahasa Melayu Tahun 1 bagi mengatasi masalah membaca di kalangan murid Tahun 1". (PK3).

4.4.2. Pendapat guru keperluan penambahbaikan buku teks Bahasa Melayu Tahun 1.

Berdasarkan dapatan, semua peserta kajian (PK1, PK2 dan PK3) bersetuju bahawa sukatan pelajaran dalam buku teks berada pada tahap yang tinggi. Selain itu, kesemua responden turut bersetuju bahawa ramai murid Tahun 1 masih belum mahir membaca, menjadikan buku teks sedia ada kurang sesuai untuk tahap mereka.

"Murid Tahun 1 ini belum menguasai kemahiran berfikir dan membaca. Walaupun ke tadika, mereka masih lemah. Pendedahan asas membaca perlu diberikan". (PK1)

"Buku teks perlu ditambah baik kerana silibusnya sukar dikuasai murid, dan ramai murid Tahun 1 masih belum menguasai kemahiran membaca sepenuhnya". (PK2)

"Saya lihat buku teks BM Tahun 1 ini sangat tinggi tahapnya terutama bagi murid lemah. Kelas saya mempunyai ramai murid yang masih lemah membaca". (PK3)

4.4.3. Pengetahuan guru tentang program LINUS.

Berdasarkan dapatan, semua peserta kajian (PK1, PK2, dan PK3) menunjukkan pemahaman yang baik terhadap elemen utama program LINUS, terutamanya pendekatan pengajaran berperingkat. Program ini bermula dengan pengenalan huruf, diikuti dengan suku kata dan pembinaan ayat. Kaedah ini membantu murid memahami asas literasi secara sistematik, khususnya bagi mereka yang lemah dalam membaca dan menulis.

"Program LINUS membantu guru mengenalpasti tahap penguasaan murid dan mengatasi masalah membaca melalui 12 konstruk yang perlu dikuasai untuk mahir membaca". (PK1)

"Program LINUS memberi fokus kepada 12 konstruk bacaan, membantu murid menguasai kemahiran membaca secara terancang mengikut tahap, memudahkan guru dalam pengajaran". (PK2)

"LINUS adalah program intervensi untuk membantu murid lemah membaca, memberi asas literasi dan numerasi, serta memfokuskan kepada 12 konstruk bacaan dari huruf hingga ayat". (PK3)

4.4.4. Keperluan LINUS dimasukkan dalam kandungan buku teks Bahasa Melayu Tahun 1.

Berdasarkan dapatan, semua peserta kajian (PK1, PK2, dan PK3) bersetuju bahawa program LINUS perlu dimasukkan dalam kandungan buku teks. Tiada peserta kajian yang menyatakan bahawa elemen ini tidak diperlukan.

"Bagi saya rasa perlu konstruk LINUS dimasukkan dalam buku teks Bahasa Melayu Tahun 1". (PK1)

"Pada pendapat saya, ye. Perlu. Saya setuju konstruk LINUS ni dimasukkan dalam kandungan buku teks Bahasa Melayu Tahun 1 bagi tujuan membantu murid-murid menguasai kemahiran membaca". (PK2)

"Pada pendapat saya perlu konstruk LINUS ini dimasukkan dalam buku teks Tahun 1". (PK3)

4.4.5. Pendapat guru tentang keperluan LINUS dimasukkan dalam kandungan buku teks Bahasa Melayu Tahun 1.

Berdasarkan dapatan, semua peserta kajian bersetuju bahawa konstruk LINUS tersusun dan membantu murid menguasai kemahiran asas secara berperingkat, bermula dari mengenal huruf hingga membaca ayat. Pendekatan berperingkat ini penting untuk murid lemah dalam literasi. Peserta kajian juga bersetuju bahawa konstruk LINUS memudahkan

guru mengenal pasti tahap penguasaan murid, memberikan panduan jelas untuk menilai kemampuan murid dan merancang pengajaran yang sesuai. Dapatan menunjukkan bahawa elemen LINUS perlu dimasukkan dalam buku teks Bahasa Melayu Tahun 1 kerana ia menyokong pembelajaran murid dan memudahkan guru melaksanakan pengajaran berkesan dan sistematik, meningkatkan literasi asas murid.

"Konstruk LINUS perlu dimasukkan kerana membantu mengenal pasti tahap pembelajaran murid, seperti menguasai suku kata, diftong, digraf, dan asas membaca". (PK1)

"Konstruk LINUS perlu dimasukkan dalam buku teks adalah kerana program ini sangat tersusun. Konstruk LINUS bermula dengan pengenalan huruf dan berakhir dengan kemahiran membina ayat. Oleh itu, ianya memberi fokus kepada penguasaan satu persatu konstruk sebelum murid beralih kepada konstruk seterusnya. Dengan pendekatan ini, saya percaya dapat membantu murid-murid menguasai kemahiran membaca dengan baik." (PK2)

"Konstruk LINUS lebih tersusun bermula dari pengenalan abjad hingga ayat, membantu murid menguasai kemahiran membaca secara berperingkat. Ia juga memudahkan guru melaksanakan PdPC dengan lebih rapi". (PK3)

4.4.6. Cara konstruk LINUS dipersembahkan dalam isi kandungan buku teks Bahasa Melayu Tahun 1.

Dapatan menunjukkan bahawa konstruk LINUS perlu disusun mengikut unit dalam buku teks, di mana setiap unit merangkumi elemen penting yang berkaitan dengan LINUS. Penyusunan ini memastikan bahawa murid dapat mengikuti proses pembelajaran dengan lebih sistematik dan teratur. Menurut peserta kajian (PK1, PK2, dan PK3), pendekatan ini memudahkan guru untuk menyampaikan pengajaran dan memudahkan murid memahami kandungan yang disampaikan. Selain itu, kajian juga mendapati bahawa konstruk LINUS perlu ditekankan pada permulaan setiap unit. Ini menunjukkan bahawa pengajaran kemahiran asas literasi ini diberi perhatian utama sebelum murid melangkah ke topik yang lebih kompleks. Penekanan awal ini berfungsi untuk membina asas yang kukuh dalam pemahaman murid, yang penting bagi perkembangan pembelajaran mereka.

"Konstruk LINUS boleh disusun mengikut unit dalam buku teks, membantu murid mempelajari literasi secara berperingkat dan memudahkan guru menyampaikan pengajaran serta menekankan konstruk pada permulaan unit". (PK1)

"Konstruk LINUS boleh dimasukkan dalam buku teks, disusun mengikut unit, dengan konstruk 1 dalam Unit 1, konstruk 2 dalam Unit 2, dan seterusnya, pada permulaan setiap unit". (PK2)

"Konstruk LINUS boleh dimasukkan dalam buku teks Tahun 1, disusun mengikut 12 unit, dengan setiap unit mengandungi konstruk LINUS yang sesuai, bermula dari pengenalan abjad". (PK3)

5. Perbincangan

Masalah membaca di kalangan murid sekolah rendah merupakan isu yang seringkali muncul. Merujuk kajian [Jamian \(2011\)](#) masalah ini dilihat masih kekal dihadapi oleh guru sekolah rendah sehingga kini. Ini jelas dilihat dalam hasil kajian yang melibatkan murid Tahun 1. Kesulitan ini bukan sahaja akan menghalang pencapaian akademik murid tetapi turut memberi kesan jangka panjang terhadap perkembangan literasi mereka. Ianya menjadi satu cabaran yang berterusan. Pelbagai usaha telah dilakukan oleh semua pihak terutamanya Kementerian Pendidikan Malaysia untuk mengatasi masalah ini. Teori Pembelajaran dan Pemerolehan Bahasa menekankan bahawa penguasaan kemahiran asas seperti mengenal huruf dan bunyi adalah penting ([Mahamod, 2022](#)). Ramai murid masih belum menguasai konsep-konsep asas seperti mengenal huruf, membaca suku kata dan membaca perkataan yang mengandungi digraf dan konsonan bergabung. Selain itu, ramai murid juga masih kurang faham dalam membaca petikan dan menjawab soalan berdasarkan teks yang dibaca.

Sikap murid terhadap membaca juga memainkan peranan penting dalam kejayaan pembelajaran mereka. Kajian menunjukkan bahawa sikap murid yang suka bermain, sambil lewa, dan tidak bersungguh-sungguh menyebabkan masalah dalam penguasaan membaca. Kajian oleh [Unjong dan Seruji \(2022\)](#) turut menyatakan faktor penyumbang kepada masalah membaca ialah murid kurang minat membaca, lebih suka bermain, dan sukar fokus semasa aktiviti membaca dalam proses PdP. Selain itu, keluarga juga memainkan peranan penting dalam perkembangan literasi anak-anak. Keluarga yang aktif terlibat dalam menyokong anak-anak dalam membaca dapat meningkatkan kebolehan mereka. Sebaliknya, keluarga yang kurang memberi perhatian kepada literasi sering menyaksikan anak-anak mereka menghadapi kesukaran dalam membaca. Kajian [Mazlan, Amin, Abd. Rahman dan Mahamod \(2020\)](#) mendapati pencapaian murid B40 dalam kemahiran membaca dan menulis terjejas kerana kurangnya kerjasama ibu bapa, termasuk kekurangan masa, tidak membantu, dan menyerahkan sepenuhnya tanggungjawab kepada guru. Latar belakang bahasa murid juga mempengaruhi kemampuan membaca mereka. Murid yang bukan penutur jati sering menghadapi kesukaran dalam memahami teks dan menggunakan bahasa dengan baik. Pembelajaran Bahasa Melayu bagi murid bukan penutur jati melibatkan konsep baru berbeza dengan bahasa ibunda, menyebabkan masalah dan tahap penguasaan yang kurang memuaskan, ([Chew, 2016](#)). Ini menunjukkan perlunya perhatian khusus terhadap murid dari latar belakang linguistik yang berbeza. Guru-guru Tahun 1 turut menghadapi cabaran dalam pengajaran seperti kekurangan sumber bacaan yang sesuai dan kekurangan teknik pengajaran yang berkesan. Masalah masa dan kekurangan kemahiran menyukarkan penyediaan bahan bantu mengajar digital terutama guru yang berhadapan dengan murid yang mempunyai pelbagai tahap penguasaan bacaan. Situasi ini disokong dalam kajian [Derbala dan Yasin \(2022\)](#) yang menyatakan beban tugas dan kekangan masa menyebabkan guru tidak bersedia mengadakan pengajaran terbeza. Selain itu, buku teks yang terlalu sukar menambah kesukaran dalam mengajar murid lemah membaca. Ini menunjukkan perlunya peningkatan dalam penyediaan bahan, latihan kemahiran pengajaran, serta penggunaan sumber yang lebih sesuai untuk memperbaiki proses pembelajaran. Masalah membaca memberi kesan serius kepada murid, termasuk ketinggalan dalam pelajaran dan kurang keyakinan diri. Murid yang menghadapi kesukaran membaca sering sukar mengikuti pengajaran dan ketinggalan dalam pelajaran. Hal ini turut memberi kesan terhadap perkembangan sosial dan emosi mereka.

Kajian ini juga menekankan keperluan untuk menambah baik buku teks Bahasa Melayu Tahun 1. Buku teks yang sedia ada dianggap tidak memenuhi keperluan murid yang masih dalam proses menguasai kemahiran membaca dan menulis. Penambahbaikan buku teks perlu merangkumi penyemakan semula sukatan pelajaran serta cara penyampaian yang lebih sesuai dengan tahap perkembangan murid. Penting juga untuk memasukkan elemen LINUS (Literasi dan Numerasi) dalam buku teks. Program LINUS bertujuan untuk meningkatkan kemahiran asas membaca melalui pendekatan berperingkat. Melalui cadangan ini, diharapkan murid-murid mendapat manfaat daripada buku teks yang lebih sesuai dengan tahap mereka, menjadikannya lebih mudah difahami dan membantu mereka menguasai asas membaca dengan lebih baik. Dengan buku teks yang ditambah baik, murid dapat mengikuti pembelajaran dengan lebih berkesan, seterusnya membina keyakinan diri dalam menghadapi cabaran akademik. Bagi ibu bapa, penambahbaikan buku teks ini diharap dapat memberi impak positif kerana ia menyediakan panduan yang lebih jelas tentang cara membantu anak-anak mereka memahami konsep asas literasi. Ini mengurangkan tekanan yang dihadapi ibu bapa dan meningkatkan kerjasama antara mereka dan guru. Dengan kerjasama ini, ibu bapa dapat memainkan peranan aktif dalam menyokong pendidikan anak-anak mereka. Dapatan kajian ini juga diharapkan dapat memberi pelbagai implikasi kepada Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). Penambahbaikan buku teks yang mengintegrasikan elemen LINUS akan memperkukuh usaha meningkatkan kadar literasi asas murid. Buku teks yang baik dapat mengurangkan keperluan untuk program sokongan tambahan dan membantu murid menghadapi cabaran dalam pembelajaran. Penambahbaikan ini juga memberi peluang kepada KPM untuk menilai keberkesanan kurikulum yang ada dan memastikan ia relevan dengan keperluan murid dan guru. Kajian ini diharapkan dapat memberikan gambaran penting kepada KPM dalam merangka Kurikulum Persekolahan 2027 yang lebih sesuai dan efektif. Secara keseluruhannya, kajian ini menunjukkan bahawa penambahbaikan buku teks Bahasa Melayu Tahun 1 adalah langkah penting untuk meningkatkan kemahiran literasi murid. Dengan pendekatan berperingkat, sokongan yang lebih baik kepada guru dan ibu bapa, serta pengintegrasian elemen LINUS, diharapkan masalah membaca di kalangan murid dapat diatasi dan memberikan impak positif dalam pendidikan di Malaysia.

6. Kesimpulan

Masalah membaca di kalangan murid sekolah rendah terus menjadi cabaran besar dalam pendidikan di Malaysia. Kajian menunjukkan bahawa banyak murid masih menghadapi kesukaran dalam penguasaan kemahiran asas membaca, seperti mengenal huruf, membaca suku kata, dan memahami petikan. Faktor seperti sikap murid yang sambil lewa, kurang sokongan keluarga, serta latar belakang bahasa yang berbeza turut mempengaruhi masalah ini. Selain itu, kekurangan bahan pengajaran yang sesuai dan teknik pengajaran yang efektif menyebabkan guru berdepan cabaran besar. Penambahbaikan buku teks Bahasa Melayu Tahun 1 dianggap langkah penting dalam mengatasi masalah ini. Buku teks yang disesuaikan dengan tahap perkembangan murid, bersama elemen LINUS, diharapkan dapat memperbaiki kemahiran membaca secara berperingkat. Kerjasama antara guru dan ibu bapa juga perlu diperkuatkan untuk meningkatkan pencapaian literasi murid. Keseluruhannya, penambahbaikan dalam pengajaran dan bahan pembelajaran sangat penting untuk mengatasi masalah membaca di kalangan murid. Kajian ini diharapkan dapat memberikan kesan yang meluas dalam ekosistem pendidikan.

Kelulusan Etika dan Persetujuan untuk Menyertai Kajian (*Ethics Approval and Consent to Participate*)

Para penyelidik menggunakan garis panduan etika penyelidikan yang disediakan oleh Jawatankuasa Etika Penyelidikan Universiti Kebangsaan Malaysia (RECUKM). Semua prosedur yang dilakukan dalam kajian ini yang melibatkan subjek manusia telah dijalankan mengikut piawaian etika jawatankuasa penyelidikan institusi. Kebenaran dan persetujuan mengikut kajian turut diperoleh daripada semua peserta kajian.

Penghargaan (*Acknowledgement*)

Setinggi-tinggi penghargaan diucapkan kepada pensyarah penyelia serta para peserta kajian atas kerjasama yang diberikan dalam merealisasikan kajian ini.

Kewangan (*Funding*)

Penulisan dan penerbitan kajian ini tidak mendapat sebarang tajaan atau sokongan kewangan. Semua perbelanjaan ditanggung sepenuhnya oleh penulis sepanjang proses penyediaan kajian dan penerbitan.

Konflik Kepentingan (*Conflict of Interest*)

Penulisan ini dijalankan tanpa sebarang konflik kepentingan daripada pihak penulis.

Rujukan

- Ambotang, A. S., Ahong, H. A., & Ompok, C. S. @ C. C. (2019). Pengaruh fasilinus, pentadbir sekolah dan guru LINUS terhadap pelaksanaan program LINUS di sekolah rendah daerah Kota Kinabalu. *Southeast Asia Early Childhood Journal*, 8(1), 11–18.
- Balanadam, J., & Jamaluddin, K. A. (2021). Isu dan cabaran dalam kemahiran membaca dalam kalangan murid sekolah rendah di Malaysia. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 3(4), 127–135.
- Bunga, F. (2018, November 30). Program LINUS dihentikan mulai 2019. *Berita Harian Online*.
<https://www.bharian.com.my/berita/pendidikan/2018/11/503726/program-linus-dihentikan-mulai-2019>
- Chew, F. P. (2015). Pelaksanaan program literasi dan numerasi (LINUS) di sekolah rendah. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 5(2), 1–11.
- Chew, F. P. (2016). Masalah pembelajaran Bahasa Melayu dalam kalangan murid Cina sekolah rendah. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 6(2), 10–22.
- Chua, Y. P. (2021). *Kaedah penyelidikan*. McGraw-Hill Education (Malaysia).
- Derbala, R., & Yasin, R. M. (2022). Tahap pengetahuan, penerimaan, kesediaan dan amalan pengajaran guru pemulihan khas terhadap pengajaran terbeza. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities*, 7(4), 1–20.
- Hasan, N. H., Sapar, A. A., & Siraj, S. (2020). Analisis kandungan terhadap penampilan kandungan, soalan dan aktiviti buku teks Bahasa Melayu Kurikulum Standard Sekolah Rendah Tahap Dua: Data anekdot. *Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik*, 8(2), 1–12.

- Jamian, A. R. (2011). Permasalahan kemahiran membaca dan menulis Bahasa Melayu murid-murid sekolah rendah di luar bandar. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 1(1), 1–11.
- Kasim, M. R. B. (2021). Program LINUS Bahasa Melayu: Beberapa kelemahan dalam penilaian dan cadangan penambahbaikan. *Pendeta Journal of Malay Language, Education and Literature*, 12(2), 1–10.
- Konaen, S. N., Abd Rahman, F., & Roslan, S. (2019). Meneroka sikap dan motivasi murid rendah pencapaian Bahasa Melayu: Satu kajian kes di FELDA. *International Journal of Education and Training*, 5(1), 1–9.
- Lau, Y. W., S., Lambri, A., & Kiting, R. (2022). Penguasaan kemahiran membaca Bahasa Melayu murid bukan penutur jati di Bintulu, Sarawak. *EDUCATUM Journal of Social Sciences*, 6(1), 33–42.
- Mahamod, Z. (2022). *Psikolinguistik dan PdP Bahasa*. Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mat Husin, N., & Wan Mohammad, W. M. R. (2023). Penguasaan kemahiran membaca dan menulis Bahasa Melayu murid Tahun 1 di SJKC dari perspektif guru. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 5(1), 279–292.
- Mat Rabi, N., Osman, Z., Sarudin, A., Mohamed Redzwan, H. F., & Mat Rabi, N. (2020). Penerapan elemen kemahiran berfikir aras tinggi dalam buku teks Bahasa Melayu Tahun Enam sekolah rendah. *International Journal of Language Education and Applied Linguistics*, 10(2), 57–67.
- Mazlan, R., Amin, N., Abd. Rahman, M. Z., & Mahamod, Z. (2020). Tahap penguasaan membaca dan menulis murid B40 dari perspektif guru Bahasa Melayu. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 10(2), 54–73.
- Nasbah, N. N. (2022, Julai 6). Silibus pembelajaran harus sesuai tahap. *Berita Harian Online*.
<https://www.bharian.com.my/berita/pendidikan/2022/07/973780/silibus-pembelajaran-harus-sesuai-tahap>
- Rosly, N. J., & Mokhtar, N. Z. Z. (2021). Mendepani cabaran literasi pembelajaran Bahasa Melayu dalam kalangan murid Orang Asli Jakun Lenga, Johor: Satu tinjauan awal. *Asian Journal of Civilizational Studies*, 3(3), 83–102.
- Tobi, S. U. M. (2017). *Kajian kualitatif dan analisis temubual*. Aras Publisher.
- Unjong, P., & Seruji, Z. (2022). Pelaksanaan didik hibur dalam pengajaran dan pembelajaran membaca Bahasa Melayu murid LINUS Tahun 3. *Asian People Journal*, 5(1), 22–30.